

SUMBANG MAHRAM (INSES): SATU PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

Nadiah Mohd Zin*

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Melaka
nadiyah_mohdzin@unimel.edu.my

Rositah Kambol

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Melaka
rositah@unimel.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 30 October 2022 Accepted Date: 29 November 2022 Published Date: 31 December 2022

ABSTRAK

“*Harapkan pegar, pegar makan padi*” merupakan pepatah yang bersesuaian dengan perbuatan sumbang mahram yang berlaku dewasa ini. Perlakuan sumbang mahram adalah satu perbuatan zina antara sesama mahram di mana perbuatan ini amat terkutuk serta dipandang keji oleh masyarakat Islam dan juga mana-mana doktrin agama yang lain di dunia. Di dalam surah an-Nisa’ ayat 23, Allah SWT telah menerangkan dengan jelas berkaitan orang yang haram untuk dikahwini antaranya ibu, bapa, mertua lelaki atau mertua perempuan, anak-anak perempuan atau lelaki yang lahir dari rahim isteri atau menyusu dari susu badan isteri, adik beradik susuan, adik-beradik perempuan atau adik-beradik lelaki sebapa atau seibu, adik beradik bapa, adik-beradik ibu, ibu atau bapa kepada ibu bapa, dan anak-anak saudara perempuan atau lelaki. Hal ini kerana perbuatan sumbang mahram ini dilakukan oleh seorang yang mempunyai pertalian darah atau nasab dengan mangsa atau hubungan jenis antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan di mana perkahwinan antara mereka adalah tidak sah di sisi agama, undang-undang dan adat resam sesuatu budaya tersebut terutamanya di Malaysia. Justeru itu, artikel ini, akan membincangkan mengenai perbandingan sumbang mahram atau *Inses* dari sudut Undang-Undang Jenayah Islam dan juga Undang-Undang Jenayah di Malaysia. Artikel ini menggunakan metod kualitatif di mana menggunakan kajian kes yang terdahulu, perpustakaan, artikel-artikel ilmiah, jurnal dan lain-lain lagi bagi merealisasikan penulisan artikel ini. Selain itu juga, artikel ini akan merumuskan bahawasanya, kedua-dua jenis Undang-Undang Jenayah sama ada Islam ataupun sivil masing-masing memainkan peranan yang sangat penting di dalam menolak kepada perbuatan sumbang mahram.

Kata Kunci: sumbang mahram, jenayah syariah, jenayah sivil, perbandingan

SUMBANG MAHRAM (INCEST): A COMPARISON BETWEEN ISLAMIC CRIMINAL LAW AND CRIMINAL LAW IN MALAYSIA

ABSTRACT

“Harapkan pegar, pegar makan padi” is a proverb that is appropriate for the act of incest that occurs today. Incest is an act of adultery between fellow strangers where this act is highly condemned and despised by the Muslim community and also any religious doctrine the rest of the world. In Surah an-Nisa ' verse 23, Allah SWT has clearly explained about the people who are forbidden to marry such as the mother who is the biological father's partner, the father who is the biological mother's partner, son-in-law or daughter-in-law, daughters or men born from wife's uterus or breastfeeding, breastfeeding siblings, siblings, paternal siblings, maternal siblings, paternal or maternal siblings, and nieces and nephews. This is because this act of incest is committed by a person who has a blood relationship or lineage with the victim or a sexual relationship between those who have kinship where marriage between them is illegal in terms of religion, law, and customs of a culture, especially in Malaysia. Therefore, this article will discuss the comparison of incest from the point of view of Islamic Criminal Law and also Criminal Law in Malaysia. This article uses a qualitative method that uses previous case studies, libraries, scholarly articles, journals, and others to realize the writing of this article. Besides, this article will conclude that both types of Criminal Law whether Islamic or civil each play a very important role in rejecting the act of incest.

Key Word: *incest, civil criminal, shariah criminal, comparison*

PENDAHULUAN

Sumbang mahram merupakan satu gejala yang semakin meruncing dan juga mendapat perhatian masyarakat serta pihak kerajaan pada hari ini. Masyarakat di Malaysia khususnya melabelkan perbuatan ini sebagai “*Haruan Makan Anak*”. Perilaku perbuatan sumbang mahram ini sebenarnya telah pun menunjukkan tanda-tanda kepincangan sesebuah institusi kekeluargaan di dalam masyarakat. Manakala dari sudut negara pula, ia merupakan satu kemelut gejala sosial serta keruntuhan akhlak yang sangat serius. Senario ini lebih diperhebatkan lagi, apabila berlakunya perbincangan yang hangat sama ada di media-media elektronik dan juga di media cetak. Perlakuan sumbang mahram ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor dan ia telah memberi kesan kepada individu, keluarga dan juga masyarakat (Azizah Othman et.al,2004) Pelbagai usaha telah dilakukan untuk memastikan persekitaran masyarakat bebas terutamanya di negara kita dari jenayah sumbang mahram memerlukan pembabitan dan juga sokongan daripada semua pihak tidak kira daripada badan kerajaan, pihak swasta, ahli keluarga dan juga masyarakat. Apa yang perlu kita takuti, jika permasalahan ini tidak ditangani dengan sebaiknya, ia mampu meruntuh sesebuah institusi kekeluargaan dan juga masyarakat keseluruhannya.

Setiap hari kita sering mendengar dan melihat tidak kira di dada-dada akhbar ataupun di corong radio berkaitan dengan sumbang mahram ini. Adakalanya, terdapat juga kes-kes yang tidak mampu diterima oleh akal pemikiran yang waras seperti datuk merogol cucu, abang merogol adik, adik merogol kakak, cucu merogol nenek serta tak kurang juga seorang bapa merogol anak kandungnya sendiri. Anak-anak kecil serta anak gadis yang masih bersekolah sering kita ingatkan dan minta untuk mereka sentiasa berwaspada terutamanya kepada orang asing, tetapi malangnya mereka ini jauh lebih terdedah kepada perbuatan buruk dari ahli keluarga mereka sendiri. Ahli keluarga inilah terutamanya datuk, bapa, abang, adik lelaki atau

bapa saudara menjadi benteng tempat berlindung dan juga tempat mengadu dari sebarang kemungkinan buruk yang berlaku kepada diri mereka. Sayangnya, kaum Melayu banyak memberikan sumbangan yang paling besar dalam perbuatan menjijikkan ini. Kaum Melayu yang beragama Islam lebih takutkan kepada hukuman dunia tetapi tidak takutkan kepada undang-undang dan juga hukuman dari Allah SWT.

Menurut statistik dari Polis Di Raja Malaysia (PDRM) bermula dari 2018 sehinggalah hari ini 27 April 2021, sebanyak 825 kes yang dilaporkan di Malaysia. Statistik ini, amatlah membimbangkan, apabila terdapat (2) dua fakta dari statistik ini yang jelas menunjukkan bahawasanya, yang pertama bapa kandung merupakan pelaku utama dalam perlakuan sumbang mahram dan yang kedua, majoriti kes yang dilaporkan kepada pihak PDRM adalah berlaku di dalam rumah mereka sendiri. Hal ini berlaku secara berleluasa tanpa dapat dibendung. Wajarnya perkara ini tidak seharusnya berlaku. Jelas sekali, institusi sesebuah keluarga ini, sedang menuju ke satu zaman yang cukup pelik dan sangat mencabar, lebih lagi dengan permasalahan dunia yang dialami sekarang iaitu Covid-19.

PENGETIAN SUMBANG MAHRAM

Pendidikan seksual yang teratur sememangnya perlu dalam menangani perbuatan ini, kerana ia akan meningkatkan lagi kesedaran berkaitan fenomena dan tragedi serta trauma akibat daripada sumbang mahram. Namun pendidikan dan juga pendedahannya tidak perlu diasingkan daripada ajaran agama dan terapan iman. Pegangan agama dan terapan iman ini perlu didedahkan secara seiring agar dapat mewujudkan kestabilan dan juga keharmonian. Bangsa Melayu itu sendiri juga terkenal dengan cara ia menyelesaikan sesuatu masalah itu secara sopan dan santun yang tinggi selain mempunyai rasa malu yang tinggi dan juga terapan adab tanpa mengabaikan ajaran agama. Ini terbukti apabila diperhalusi maksud malu itu sendiri, bangsa melayu meletakkan nama bagi alat kelamin sebagai kemaluan. Asalnya perkataan tersebut bermula dari perkataan malu. Alat tersebut seperti mana yang kita ketahui, memiliki status maruah dan rasa malu yang amat tinggi. Harus diketahui bahawa, ia adalah sebagai sesuatu yang perlu dijaga secara baik, dilindungi dan sempurna sehingga akan terasa malu yang teramat sangat jika didedahkan kepada khalayak umum. Malah perkataan malu itu juga terhasil daripada didikan agama. Rasa malu yang tinggi adalah gambaran kepada keimanan yang tinggi juga. Ini merujuk kepada sebuah hadis Rasulullah SAW bahawa malu itu adalah sebahagian daripada iman. Bahkan, diri kita sebagai sebuah bangsa yang pemalu, adalah bangsa yang kuat dengan pegangan agama dan budaya serta adatnya.

Sumbang mahram atau inses (*incest*) merupakan perbuatan zina yang dilakukan oleh seseorang yang ada pertalian darah atau nasab (keturunan) dengan mangsa. Sumbang mahram ini juga dapat didefinisikan sebagai hubungan jenis antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan dan perkahwinan di antara mereka adalah tidak sah di sisi undang-undang atau dilarang oleh adat resam dan juga agama (Sabariah Salleh, 2018) sebagai contoh hubungan jenis antara kanak-kanak atau remaja dengan ibu bapa, adik beradik, ibu bapa saudara, datuk dan sebagainya. Definisi ini juga disokong oleh Azizah Othman di dalam artikel beliau iaitu sumbang mahram atau inses, di mana beliau juga ada menekankan definisi inses adalah perhubungan seksual antara seorang lelaki dengan cucu perempuan, anak perempuan, kakak, adik perempuan atau ibunya atau antara seorang perempuan yang berumur 16 tahun atau lebih dengan datuk lelakinya, bapa, abang, adik lelaki atau anak lelakinya dengan kerelaan dan keizinan kedua-dua pihak terbabit. Selain itu, beliau juga menambah, sumbang mahram juga boleh didefinisikan sebagai perhubungan jenis antara seorang lelaki dan perempuan yang

dilarang bernikah oleh adat dan agama. Bak kata pepatah Melayu “*haruan makan anak*” dan “*harapkan pegar, pegar makan padi*”. Beliau juga menyifatkan dari pepatah tersebut berkaitan dengan seseorang yang tidak boleh diharapkan untuk menjaga seseorang yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya. Mengikut Kamarul Azmi Jasmi et.al (2003) di dalam penulisan beliau, sumbang mahram adalah merupakan hubungan seks yang melibatkan ahli keluarga yang haram dikahwini sama ada yang berbentuk paksaan seperti rogol atau berbentuk kerelaan seperti penzinaan.

Menurut Ibn Hajar al-Haitami (seorang fuqaha Mazhab Syafie, ahli Kalam dan Tasawuf dalam kitab *Az-Zawājir ‘an Iqtirāfi al-Kabā’ir*) mengatakan bahawa zina yang paling keji adalah berzina dengan mahram sendiri. Penzina atau pelaku sumbang mahram tidak layak untuk tinggal di muka bumi Allah sebagaimana pencerahan seorang ahli sufi Ibrahim bin Adham apabila ditanya tentang maksiat, beliau memberikan beberapa syarat jika ingin terus melakukan maksiat iaitu: “Kalau kau mampu melaksanakan (5) lima syarat ini, kau boleh melakukan dosa iaitu jangan makan rezeki Allah, jangan tinggal di bumi-Nya, carilah tempat yang tersembunyi daripada-Nya, sempatkan diri bertaubat saat malaikat maut mencabut nyawa dan akhir sekali, sedia mampu lari jika diseret ke neraka oleh malaikat Zabaniah”. (Mohd Noor Omar, 2018). Istilah sumbang mahram menurut Siti Zubaidah Ismail (2017) adalah merujuk kepada perbuatan mahram lelaki sama ada bapa, bapa tiri, datuk, abang dan sebagainya yang melakukan persetubuhan dengan perempuan yang dilarang berkahwin dengannya oleh hukum Syarak.

Menurut K.Abror et.al (2020) pula, definisi sumbang mahram ini merupakan hubungan seksual yang berlaku di antara anggota keluarga di mana mereka ini terjadi akibat pertalian darah dan juga pernikahan. Beliau juga memaklumkan bahawasanya, tidak ada satu definisi yang umum mengenai sumbang mahram di dalam masyarakat kerana perkara yang dianggap penting adalah perbuatan sumbang mahram tersebut kerana ia berbeza mengikut masyarakat, agama, budaya bahkan tradisi tempatan sesuatu tempat. Definisi ini juga disokong oleh Adam Seymour di dalam penulisan beliau berkaitan “*The Authorization of Incest in Islam*”, di mana beliau ada mengatakan bahawa perbuatan sumbang mahram itu merupakan satu perlakuan yang dilarang sama sekali di dalam mana-mana negara tidak kira membangun atau pun tidak, selain merupakan satu larangan kepada mana-mana agama di dunia tetapi ia juga bergantung kepada keadaan dan tradisi sesuatu tempat.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, sumbang bermaksud tidak mematuhi atau melanggar adat kebiasaan, tidak sopan, berkelakuan tidak senonoh atau dengan sengaja melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai moral. Terdapat (4) empat jenis sumbang yang dinyatakan di dalam kamus dewan yang mempunyai maksud yang sama iaitu yang pertama sumbang balai melintang. Sumbang balai melintang ini membawa maksud larangan perkahwinan antara lelaki dan perempuan yang datang dari suku yang sama dari segi konsep adat serta juga ditafsirkan sebagai berzina dengan orang yang tidak boleh dikahwini dari segi konsep agama. Kedua, sumbang kadim di mana sumbang kadim ini diertikan dengan berzina atau bermukah dengan keluarga yang rapat. Ketiga sumbang mahram, juga ditafsirkan perlakuan zina yang berlaku antara dua orang anggota terdekat di dalam sesebuah keluarga misalnya abang dengan adik perempuan atau bapa dengan anak perempuannya. Terakhir ialah sumbang pati, yang bermaksud berzina atau bermukah dengan saudara sendiri.

SUMBANG MAHRAM DALAM ISLAM

Islam secara bahasanya membawa maksud aman, damai, kenyamanan dan juga perlindungan. *Rahmatan lil 'alimin* merupakan satu ungkapan anggun yang menjunjung maksud hidayah, kebaikan dan keadilan yang merangkumi serta mencapai seluruh alam tanpa sebarang pengecualian. Muslim bukan muslim, haiwan, tumbuh-tumbuhan, alam sejagat dan segalanya terangkum di dalam rahmat yang di bawa oleh Islam. (Mohd Asri Zainul Adidin, 2018)
Dalam firman Allah SWT:

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam”

(Al-Anbiya 21: 107)

Wajar diketahui, Islam adalah agama yang *syumul* serta lengkap dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kepada penganutnya. Dalam konteks hubungan seksual antara manusia, Islam juga telah memperuntukkan dengan jelas seperti yang dinyatakan di dalam *kitabullah* dan juga hadis serta diperkuatkan dengan pandangan-pandangan agamawan dengan diletakkan undang-undang Islam yang tersendiri. Meskipun manusia diberikan hak kebebasan untuk menyalurkan serta melunaskan keinginan seksualnya, namun bukanlah bererti mereka boleh melakukan secara bebas aktiviti-aktiviti seksual dengan sewenang-wenangnya tanpa berfikir. Hak kebebasan menyalurkan keinginan seksual wajib dalam ikatan pernikahan yang sah berdasarkan hukum syarak dan juga dalam batasan iman. Allah SWT berfirman di dalam surah al-Baqarah ayat 223,

﴿ نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأَتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ ۖ وَقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَأَعْلَمُوا أَنكُم مَّلَئُوهُ ۗ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴾

Maksudnya: “Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangilah tanah tempat bercucuk-tanammu itu bagaimana saja kamu kehendaki. Dan kerjakanlah (amal yang baik) untuk dirimu, dan bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa kamu kelak akan menemui-Nya. Dan berilah kabar gembira orang-orang yang beriman”.

(Al-Baqarah 1: 223)

Islam ada menerangkan bahawasanya terdapat (3) tiga perkara yang boleh menghalang perkahwinan selama-lamanya seorang lelaki dan juga wanita yang lain iaitu pernikahan, penyusuan dan juga disebabkan oleh nasab (keturunan). Allah SWT ada menjelaskan berkaitan dengan pengaharaman *abadan abada* berkaitan dengan (3) tiga perkara ini di dalam surah an-Nisa' ayat 23:

﴿ حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعُمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأَخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُم مِّنَ الرَّضَاعَةِ وَأُمَّهُتِ نِسَائِكُمْ وَرَبِّبَاتُكُمْ

الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِّنْ نِّسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِن لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَن تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “Diharamkan atas kamu (mengawini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusui kamu; saudara perempuan sepersusuan; ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengawininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu); dan menghimpunkan (dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

(Al-Nisa’ 4: 23)

Jelas sekali di dalam surah An- Nisa’ ayat 23 ini, menerangkan pengharaman selamanya bagi perkahwinan atau pernikahan sama ada suka sama suka atau disebabkan terpaksa yang melibatkan salah satunya ialah nasab (keturunan). Perlakuan ini merupakan satu kesalahan dosa besar dan juga haram di sisi Islam.

PERUNTUKAN BERHUBUNG KESALAHAN SUMBANG MAHRAM SERTA HUKUMANNYA DALAM AKTA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH SERTA ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI DAN ORDINAN NEGERI.

Umumnya terdapat beberapa kategori kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah, Enakmen Jenayah Syariah Negeri dan Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah mengikut negeri masing-masing. Antaranya termasuklah kesalahan-kesalahan mengenai akidah, kesalahan pencelaan kesucian agama dan institusinya, kesalahan tatasusila, kesalahan pelbagai, kesalahan berkaitan matrimoni, kesalahan mengembangkan agama bukan Islam dalam kalangan orang Islam dan juga *riddah* (keluar Islam) (Siti Zubaidah Ismail, 2017). Dalam konteks artikel ini, perbincangan hanya tertumpu kepada kesalahan sumbang mahram yang diletakkan di dalam kesalahan tatasusila.

Kesalahan sumbang mahram di Wilayah Persekutuan diperuntukkan di bawah Seksyen 20 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 atau Akta 559, iaitu,

“Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang mahram adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”.

Peruntukan ini juga terdapat serta digunapakai di Selangor, seksyen 22 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Pulau Pinang di dalam seksyen 20 Enakmen Kesalahan

Jenayah Syariah (Pulau Pinang)1996, Johor, di bawah seksyen 20 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor)1997, Terengganu, bawah seksyen 24 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 dan Sarawak, seksyen 7 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001. Manakala di Negeri Sembilan, kesalahan bagi sumbang mahram ini dinyatakan di bawah seksyen 62 (1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, memperuntukkan tegahan *muabbad* iaitu tegahan berkahwin yang menjadi kekal selamanya,

“(1) Mana-mana orang yang melakukan persetubuhan atau kelakuan sumbang dengan seorang perempuan atau seorang laki-laki yang ianya diharamkan berkahwin dengan tegahan muabbad mengikut Hukum Syarak adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Peruntukan ini juga terdapat di Perak di bawah seksyen 48 Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 iaitu,

“Sesiapa yang melakukan persetubuhan haram adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak lebih daripada enam kali”.

Di dalam kesalahan jenayah syariah juga perlu dibuktikan dengan kewujudan elemen utama sesuatu kesalahan jenayah. Bagi konteks kesalahan jenayah syariah menurut Siti Zubaidah Ismail (2017) di dalam sumbang mahram, perlu berlakunya perbuatan sumbang mahram iaitu perbuatan seks atau zina di antara (2) dua orang lelaki dan juga perempuan yang haram dinikahi. Undang-undang tidak menyatakan bahawasanya kedua-dua lelaki dan perempuan itu perlu mengetahui atau tidak tentang status mereka pada masa perbatan tersebut dilakukan. Hal ini sentiasa menjadi persoalan yang kerap diungkit oleh masyarakat dan pengamal undang-undang sivil, dalam bentuk bagaimanakah atau apakah elemen yang perlu dibuktikan untuk membawa kes sumbang mahram di dalam mahkamah syariah. Mereka berpendapat sangat tidak adil kepada mangsa jenayah seks yang beragama Islam kerana hukuman di bawah Undang-Undang Syariah tidak memberikan gambaran serta bayangan yang serius terhadap kesalahan jenayah tersebut. (Mohamad Shariff Abu Samah et.al,2008).

Bidangkuasa di dalam Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan sesuatu hukuman bagi setiap pesalah jenayah syariah telah diperuntukkan oleh akta persekutuan iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984 (Akta 355). Secara khususnya dinyatakan di bawah seksyen 2 Akta 355 yang memperuntukkan seperti berikut;

“Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidangkuasa ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidangkuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang

yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidangkuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut”.

Menurut Anita Abdul Rahim et.al (2012) di dalam penulisannya, walaupun, negeri-negeri boleh memperuntukkan sebarang jenis kesalahan jenayah syariah dan juga hukumannya, namun kuasa negeri adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang telah dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(3) memperuntukkan bahawa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara tersebut boleh dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan Persekutuan mengenai mana-mana perkara tertentu. Sungguhpun Badan Perundangan negeri boleh membuat undang-undang mengenai hal perkara yang tersenarai dalam Senarai Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan, undang-undang negeri tersebut mestilah selaras dan juga tidak bercanggah dengan undang-undang persekutuan yang telah digubal oleh Parlimen. Ini jelas diperuntukkan di dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

“Jika mana-mana undang-undang negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang negeri dan undang-undang negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu”.

Dalam konteks pelaksanaan jenayah syariah dan juga hukumannya di setiap negeri, secara jelas semua Akta, Enakmen dan juga Ordinan Jenayah Syariah di dalam negeri-negeri, perlulah mengikut serta selaras dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984. Untuk memudahkan kefahaman, hukuman maksimum bagi setiap jenis kesalahan jenayah syariah ialah penjara yang tidak melebihi (3) tiga tahun, atau denda yang tidak melebihi RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima ribu) ataupun sebatan yang tidak melebihi (6) enam kali atau mana-mana kombinasi di antara ketiga-tiganya. Jelas di sini menunjukkan, setiap Mahkamah Syariah yang memutuskan kes-kes berkaitan dengan jenayah syariah adalah terikat dengan hukuman maksimum yang telahpun dinyatakan di dalam Enakmen, Kanun Jenayah Syariah dan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984.

Sewajarnya apabila ia memperuntukkan berkaitan dengan hukuman bagi setiap kesalahan jenayah syariah, maka akta, enakmen dan juga ordinan Jenayah Syariah Negeri akan tertakluk kepada Akta 355 tersebut.

PERUNTUKAN BERHUBUNG KESALAHAN SUMBANG MAHRAM DALAM UNDANG-UNDANG SIVIL

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang mana masih lagi mengekalkan nilai-nilai budaya, adat, kesopanan dan rasa malu tidak kira mana-mana agama terutamanya agama Islam. Disebabkan hal ini, perbuatan sumbang mahram ini merupakan satu perbuatan jenayah yang sangat berat. Bagi undang-undang Sivil, sumbang mahram adalah antara isu yang jelas menyalahi tuntutan semulajadi penciptaan manusia. Dalam apa jua bentuk dan juga keadaan, apa sahaja yang terkait dengan kesalahan jenayah ini, merupakan satu perlakuan yang amat

memalukan. Antara statut yang menyentuh kesalahan sumbang mahram ini adaah Kanun Kesiksaan dan Akta Kanak-kanak 2001.

Pelaksanaan kerajaan di dalam meminda Kanun Kesiksaan bagi kesalahan sumbang mahram dan rogol, dimana hukuman ke atas pesalah bagi kesalahan yang dinyatakan ditingkatkan kadar minimum penjara dan juga sebatan adalah satu pendekatan serta pelaksanaan yang cukup logik dan relevan. Langkah tersebut bukan sahaja untuk melindungi kemaslahatan mangsa, tetapi juga untuk memelihara kesucian penciptaan manusia di atas muka bumi Allah SWT dengan memastikan *maqasid syariah* terpelihara. Justeru, seksyen 376A dan seksyen 376B dimasukkan melalui Seksyen 6 Kanun Kesiksaan (Pindaan) Akta 2001 (Akta A1131) yang telah pun berkuatkuasa pada 27 September 2001 (Mohamad Shariff Abu Samah et.al, 2018).

(a) Seksyen 376A: Sumbang Mahram

“Seseorang itu dikatakan melakukan sumbang mahram jika seseorang lelaki dan seseorang perempuan melakukan persetubuhan dengan orang lain di mana hubungan lelaki dan perempuan itu tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkait bagi lelaki dan perempuan tersebut untuk berkahwin dengan orang itu”.

(b) Seksyen 376B: Hukuman bagi sumbang mahram

(1) Barang siapa yang melakukan sumbang mahram hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebatan.

(2) Ianya hendaklah menjadi pembelaan kepada tuduhan terhadap orang di bawah seksyen ini sekiranya dibuktikan:

(a) Bahawa lelaki atau perempuan itu tidak mengetahui bahawa orang yang lelaki atau perempuan itu mengadakan persetubuhan itu adalah seseorang yang hubungan dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki atau perempuan tersebut untuk berkahwin dengan orang itu; atau

(b) Bahawa perbuatan persetubuhan telah dilakukan tanpa persetujuan lelaki atau perempuan itu.

Huraian- seseorang yang di bawah enam belas tahun, jika seorang perempuan, atau di bawah tiga belas tahun, jika seorang lelaki hendaklah dianggap tidak mampu untuk memberikan persetujuan.

Peruntukan seksyen 376A ini adalah merupakan peruntukan baru yang diadakan khusus untuk jenayah inses dan telah dimasukkan ke dalam Kanun Kesiksaan melalui peruntukan baru Seksyen 6 Kanun Kesiksaan (pindaan) Akta 2001. Sebelum ini sebagai contoh. jika berlaku kesalahan inses antara bapa dan anak, iaitu ika sekiranya seorang bapa bersetubuh dengan anaknya, maka kesalahan itu akan terjatuh di bawah takrif kesalahan rogol yang biasa di bawah Seksyen 376 Kanun Kesiksaan Perhubungan istimewa antara bapa dan anak tidak diambil kira. Dengan adanya peruntukan di bawah seksyen 376A ini, hubungan istimewa ini diambil kira

dengan pengenaan hukuman yang lebih berat daripada hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan merogol.

Kes *Safae Ing lwn Pendakwaraya [2006] MLJ 698*, Hakim Mahkamah Rayuan mengekalkan hukuman (20) dua puluh tahun penjara dan (8) lapan kali sebatan bagi setiap satu dari dua kesalahan yang disabitkan yang keseluruhannya berjumlah (40) empat puluh tahun dan (16) enam belas kali sebatan. Hakim mengatakan bahawa kesalahan ini menjadi lebih serius dan lagi kerana dilakukan oleh perayu ke atas anak kandungnya sendiri yang masih amat muda umurnya. Sebagai bapa, perayu sepatutnya menjadi pelindung dan mendidik anaknya dengan kasih sayang, sebaliknya dia menjadi pemangsa kepada anaknya sendiri. Manakala daam kes *Tuan Mat Tuan Lonik lwn Pendakwaraya [2008] MLJU 871*, perayu mengaku bersalah atas kesalahannya merogol anak tiri semenjak dari usianya (12) dua belas tahun dan berterusan sehingga kali terakhir dilakukan ketika mangsa berusia (14) empat belas tahun. Jenayah yang dilakukan hanya diketahui apabila mangsa melahirkan anak. Mahkamah menjatuhkan hukuman (15) lima belas tahun dan (10) sepuluh kali sebatan bagi setiap (5) lima jenayah rogol yang disabitkan.

Seksyen 376A Kanun Keseksaan ini mengenakan beberapa syarat kepada pendakwa bagi membuktikan jenayah inses wujud dengan membuktikan bahawa;

- a. *Tertuduh boleh terdiri daripada seorang lelaki atau seorang perempuan. Sekiranya persetubuhan dilakukan tanpa persetujuan, maka pihak yang tidak bersetuju itu tidak boleh didakwa atau dikenakan hukuman*
- b. *Persetubuhan yang dilakukan di bawah peruntukkan ini adalah sama dengan apa yang ditakrifkan di bawah kesalahan merogol. Dalam keadaan ini, kerelaan mangsa dianggap tidak relevan*
- c. *Hubungan si mangsa dengan orang yang melakukan persetubuhan dengannya mestilah wujud satu hubungan yang tidak membolehkan mangsa dan tertuduh berkahwin mengikut undang-undang, hukum agama, adat dan kebiasaan.*

Menurut kedua-dua seksyen dapat disimpulkan, bahawasanya sumbang mahram merupakan satu perlakuan rogol yang dibuat di luar nikah sama ada secara paksa atau pun kerelaan diri sendiri, tetapi yang membezakan antara rogol dan juga sumbang mahram ialah sumbang mahram yang berlaku biasanya mempunyai pertalian keluarga sama ada pertalian dekat atau jauh. Dalam Kanun Keseksaan, memang tidak dinyatakan kategori-kategori lelaki dan perempuan yang tidak dibenarkan berkahwin. Walau bagaimanapun, kategori bagi lelaki dan perempuan yang tidak dibenarkan berkahwin mengikut budaya, adat kebiasaan dan juga agama, digunapakai dengan mengambil pendekatan dari Surah *An-Nisa* ' ayat 23 seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini. Selain itu juga, boleh dirujuk melalui seksyen 9 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 atau Akta 303 yang mana telah memperuntukkan pertalian yang melarang kepada perkahwinan.

Seksyen 9: Pertalian yang melarang perkahwinan

- (1) *Tiada seseorang lelaki atau perempuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, **oleh sebab nasab**, berkahwin dengan—*
 - (a) *ibunya atau bapanya;*
 - (b) *neneknya hingga ke atas sama ada dari sebelah bapa atau dari sebelah ibu;*
 - (c) *anak perempuannya atau anak lelakinya dan cucu perempuannya*

- atau cucu lelakinya hingga ke bawah;*
- (d) saudara perempuan atau saudara lelaki seibu sebapa, saudara perempuan atau saudara lelaki sebapa, dan saudara perempuan atau saudara lelaki seibu;*
- (e) anak perempuan atau anak lelaki kepada saudara lelaki atau saudara perempuan hingga ke bawah;*
- (f) ibu saudara atau bapa saudara sebelah bapanya hingga ke atas;*
- (g) ibu saudara atau bapa saudara sebelah ibunya hingga ke atas.*
- (2) Tiada seseorang lelaki atau perempuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, **oleh sebab pertalian kahwin**, berkahwin dengan—*
- (a) ibu mertuanya atau bapa mertuanya hingga ke atas;*
- (b) ibu tirinya atau bapa tirinya, iaitu isteri bapanya atau suami ibunya;*
- (c) nenek tirinya, iaitu isteri atau suami kepada nenek lelakinya, atau nenek perempuannya, sama ada dari sebelah bapa atau sebelah ibu;*
- (d) menantunya;*
- (e) anak perempuan atau anak lelaki tirinya hingga ke bawah daripada isteri atau suami yang perkahwinan itu telah disatukan.*
- (3) Tiada seseorang lelaki atau perempuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, **oleh sebab sesusuan**, berkahwin dengan seseorang perempuan atau lelaki yang ada hubungan dengannya melalui penyusuan di mana, jika hubungan itu adalah melalui kelahiran dan bukan melalui penyusuan, perempuan atau lelaki itu tetap dilarang berkahwin dengannya oleh sebab nasab atau pertalian kahwin.*
- (4) Tiada seseorang lelaki boleh mempunyai dua isteri pada satu masa jika isteri-isteri itu adalah bertalian antara satu sama lain melalui nasab, pertalian kahwin, atau sesusuan dan pertalian itu adalah daripada jenis yang, jika salah seorang daripada mereka adalah seorang lelaki, menjadikan perkahwinan antara mereka tetap tidak sah di sisi Hukum Syarak.*

Selain daripada itu, kesalahan sumbang mahram ini juga disentuh secara tidak langsung di bawah Akta Kanak-kanak 2001 yang berkuatkuasa pada Mac 2001 diperkenalkan dan menggantikan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Akt aini melindungi kanak-kanak di Malaysia terhadap sebarang bentuk penderaan fizikal, mental dan seksual termasuklah sumbang mahram. Akta Kanak-kanak 2001, seksyen 31 (1) meletakkan hukuman denda tidak melebihi (RM 20,000.00) dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi (10) sepuluh tahun atau kedua-duanya ke atas tertuduh yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak yang disabitkan atas kesalahan menganiayai kanak-kanak tersebut dari segi seks atau menyebabkan atau membenarkannya dianiyai sedemikian. Hukuman di dalam Akta 2001 bertambah sekali ganda dari apa yang diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, seksyen 26 (1) yang meletakkan hukuman denda tidak melebihi (RM 10,000.00) sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi (5) lima tahun atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun hukuman di bawah Akta Kanak-kanak 2001 ini masih lebih ringan berbanding dengan apa yang

diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan bagi kesalahan rogol dan pencabulan kehormatan. (Zanariah Noor, 1985).

Sumbang mahram adalah merupakan hubungan seks yang melibatkan ahli keluarga yang haram dikahwini sama ada yang berbentuk paksaan seperti rogol atau berbentuk kerelaan seperti perzinaan. Sumbang mahram adalah merupakan hubungan seks yang melibatkan ahli keluarga yang haram dikahwini sama ada yang berbentuk paksaan seperti rogol atau berbentuk kerelaan seperti perzinaan. Sumbang mahram adalah merupakan hubungan seks yang melibatkan ahli keluarga yang haram dikahwini sama ada yang berbentuk paksaan seperti rogol atau berbentuk kerelaan seperti perzinaan.

PENUTUP

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kedua-dua undang-undang iaitu Undang-Undang Jenayah dan juga Undang-Undang Jenayah Syariah sangat menitikberatkan kebaikan kepada setiap manusia tidak kira agama Islam atau pun agama yang lain. Di antara kedua-dua statut ini yang menjelaskan berkaitan sumbang mahram ini, wujud ciri-ciri persamaan antara keduanya iaitu berlaku persetubuhan, berlaku antara pasangan lelaki dan juga perempuan serta yang terakhir di larang sama sekali mengahwini antara satu sama lain seperti yang telah diperbincangkan sebelum ini.

Walaupun begitu, terdapat juga perbezaan yang sangat jelas, dari segi hukuman antara keduanya. Di mana hukuman bagi kesalahan yang melibatkan kehormatan diri antaranya sumbang mahram di dalam perundangan syariah adalah sangat ringan jika dibandingkan dengan hukuman yang diperuntukkan di dalam jenayah sivil. Justeru itu sangat wajar, jika hukuman yang lebih berat perlu dikenakan kepada pesalah jenayah syariah ini. Tidak dapat dinafikan lagi, bahawa hukuman denda memang tidak gah untuk membendung kesemua jenis jenayah syariah yang ada sekarang dan tidak mampu untuk menginsafkan pesalah-pesalah jenayah syariah ini. Sebahagian daripada jenayah syariah perlu kepada hukuman yang lebih berat seperti hukuman sebat agar bersesuaian dengan kesalahan jenayah yang dilakukan. Bilangan enam sebatan yang dibenarkan menurut Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984 (Akta 355), memang tidak dinafikan terlalu sedikit jika dibandingkan dengan bilangan sebatan yang dibenarkan di dalam kesalahan jenayah sivil.

Jika diamati, hukuman yang diperuntukan oleh jenayah sivil amat keras dan juga bersifat menghukum pesalah, di mana hukuman tersebut mengatasi hukuman yang dikenakan kepada pesalah yang mencabul kehormatan orang lain tanpa rela atau rogol selama (5) lima tahun penjara. Manakala bagi jenayah syariah, hukuman yang dikenakan adalah denda yang tidak lebih dari (RM 5,000.00) lima ribu ringgit malaysia atau dipenjara tidak melebihi (3) tiga tahun atau disebat tidak melebihi (6) enam sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman tersebut malah lebih membimbangkan juga terdapat beberapa buah negeri yang tidak meletakkan kesalahan sumbang mahram ini di dalam enakmen kesalahan jenayah mereka. Mungkinkah negeri-negeri ini tidak bersetuju kepada hukuman yang sepatutnya diberikan kepada si pesalah sumbang mahram ini, dan mereka merasakan lebih baik si pesalah sumbang mahram ini diadili di Mahkamah Sivil tak kurang juga yang memberikan pandangan mengenakan hukuman kembiri kimia kepada pesalah-pesalah jenayah.

RUJUKAN

Al Quran Rasm Uthmani

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, *Cetakan kelima*

Abror, K.; Jalaluddin, A.; Syukur, I.2021. Incest Rape: Factor, Impact and Solution in the Perspective of Islamic Law Utopía y Praxis Latinoamericana, vol. 25, no. Esp.6, 2020 Universidad del Zulia, Venezuela.

<https://www.redalyc.org/jatsRepo/279/27964115023/27964115023.pdf>, 16 Februari 2021.

Adam Seymour, The Authorization of Incest in Islam,

<https://www.booksie.com/posting/adam-seymour/the-authorization-of-incest-in-islam-321115>, 4 Mac 2021

Almaswa Hj Che Ros.2017. 89% kes rogol terjadi rumah bapa kandung antara si pelaku utama. <https://www.remaja.my/eksklusif-89-kes-rogol-terjadi-dalam-rumah-sendiri-siapa-duduki-carta-paling-keji/>, 12 Februari 2021.

Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap. (2012). Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat (Punishment for Sexual Offences under Negeri Sembilan Syariah Criminal Enactment 1992: The Need for a Heavier Punishment).Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat.16 JUUM 29 – 42.

Azizah Othman Azelin Aziz.2004. Fenomena Sumbang Mahram Di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. Universiti Utara Malaysia

Jasmi, K. A., Mohamed, A. K., Muhammad, A. (2003). Jenayah Sumbang Mahram: Perkembangan dan Faktor Penyebarannya in Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebang-saan [Siri Ketiga] at Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP Online),

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sumbang>, 20 Mac 2021

Mohammad Shariff bin Hj Abu Samah dan Asidah binti Mohd Ali. 2008.Undang-Undang Jenayah di Malaysia.International Law Book Services, Wisma IBS. Cetakan Kelima.

Mohd Asri Zainul Abidin. 2018. Rahmatan lil alimin itu ialah...., Malaysia Kini,

<https://www.malaysiakini.com/news/435783>, 1Mei 2021

Mohd. Noor bin Omar.2018. Sumbang Mahram Dilaknat. IKIM.

<http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2018/12/26/sumbang-mahram-dilaknat/>, 20 April 2021.

Norman Fernandez.2021. Sudah sampai masa laksana kembiri. Sinar Harian

<https://www.sinarharian.com.my/article/126403/KHAS/Pendapat/Sudah-sampai-masa-laksana-kembiri-kimia>.. © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf, 30 April 2021.

Unknown.2021.Rumah Sendiri Tidak Selamat! Harian Metro,

<https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/01/668054/rumah-sendiri-tak-selamat>, 5 Januari 2021

Siti Zubaidah Ismail.2017. Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. Penerbit Universiti Malaya, Universiti Malaya. *Cetakan Kedua*

Zanariah Noor. 1985. “Penderaan Kanak- Kanak oleh Ibu Bapa atau Penjaga dan Implikasinya Mengikut Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia”. Jurnal Perspektif Jil. 7 Bil. 2(66). pp 66-80

Rujukan Statut

- Malaysia. (1997). Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta559)
- Malaysia. Akta A1131, Kanun Keseksaan Malaysia.
https://www.wccpenang.org/01important/Laws/Kanun_Keseksaan-Seksyen-375376.Pdf
- Malaysia. (1984). Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. (Akta 303)
- Malaysia. (2005). Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005. (Akta A1250)
- Malaysia. Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 (Akta A1252).
- Malaysia. (1965). Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, *Mengandungi Pindaan Terkini - Akta A996*. (Akta 355)
- Malaysia. (1965). Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak - 1988) (Akta 355)
- Malaysia. (1992) Enakmen 4 Tahun 1992. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992
- Malaysia. (2001) Enakmen 7 Tahun 2001. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001
- Malaysia. (1997) Enakmen 4 Tahun 1997. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997
- Malaysia. (1996). Enakmen 3 Tahun 1996. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
- Malaysia. (1995). Enakmen 9 Tahun 1995. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
- Malaysia. (2001) Ordinan 46 Tahun 2001. Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001
- Malaysia. (1992). Enakmen 3 Tahun 1992. Enakmen Jenayah (Syariah) 1992
- Malaysia. (1992) Enakmen 4 Tahun 1992. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992

Rujukan Kes

- Safae Ing lwn Pendakwaraya [2006] MLJ 698*
- Tuan Mat Tuan Lonik lwn Pendakwaraya [2008] MLJU 871*